Ph.D (UPSI), M.Sc. (UNIMAS), B.Sc. (UNIMAS)

☎ : 05-4507919
✉ : snakmar@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Analytical Chemistry, Electrochemical Sensor



ChM. Dr. Maizatul Najwa Jajuli

Ph.D (USM), M.Sc. (USM), B.Sc. Hons. (USM)

☎ : 05-4507226
✉ : najwa@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Analytical Chemistry, Separation, Electrochemistry at Liquid-liquid Interface, Physical Chemistry

JABATAN KIMIA



Dr. Abubaker M. Abdelaal Elsayed

Ph.D (Queensland), M.Sc. B. Pharm (Assiut University)

☎ : 05-4506000

✉ : abubaker@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Organic and Medicinal Chemistry



Dr. Supriatno Salam

Ph.D (UGM, Jogjakarta), M.Sc. (UNCEN Univesity)

☎ : 05-4507339

✉ : supriatno.salam@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Material Organic Chemistry



Pn. Rozita Yahaya

M.Sc. (UPM), B.Sc. (Hons) (UPM), Dip. Ed. (MPT)

☎ : 05-4507643

✉ : rozita@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Physical Chemistry, Electrochemistry

Kakitangan Sokongan/ Supporting Staff



Pn. Aryani Adnan

Pembantu Tadbir (P/O) N2

☎ : 05-4507575

✉ : aryaniadnan@upsi.edu.my

Kursus	Kod Kursus dan Kursus	Kredit	Catatan
KAEDAH PENYELIDIKAN	SRU50104 Metodologi Penyelidikan Pendidikan	4 jam kredit	Tiada
	SRU60104 Analisis Data Kualitatif	4 jam kredit	Mod B: Ambil KEDUA- DUA (2) kursus
	SRU60204 Analisis Data Kuantitatif	4 jam kredit	Mod C: Pilih SATU (1) kursus sahaja
KURSUS PENDIDIKAN	SSP60504 Teknologi dan Inovasi dalam Pendidikan	4 jam kredit	Tiada
KURSUS ELEKTIF	SSP60204 Mencungkil Kefahaman dalam Sains ATAU mana-mana satu (1) kursus luar fakulti	4 jam kredit	Mod C: Pilih SATU (1) kursus sahaja

Kursus	Kod Kursus dan Kursus	Kredit	Catatan
KURSUS PENGKHUSUSAN	SKA60104 Kimia Analisis Lanjutan	4 jam kredit	Mod B: Pilih SATU (1) kursus sahaja Mod C: Pilih EMPAT (4) kursus.
	SKF60104 Kimia Fizik Lanjutan		
	SKO60104 Kimia Organik Lanjutan		
	SKT60104 Kimia Tak Organik Lanjutan		
	SKP60104 Rekabentuk Kurikulum dan Pengajaran dalam Kimia		
	SKP60304 Pentaksiran dalam Kimia		
PROJEK	SKR59920 Disertasi (Pendidikan Kimia)	20 jam kredit	Mod B
	SKR59908 Kertas Projek (Pendidikan Kimia)	8 jam kredit	Mod C

*JUMLAH KREDIT MOD B & MOD C : 40 JAM

SRU50104 METODOLOGI PENYELIDIKAN PENDIDIKAN

Kursus ini memperkenalkan konsep, teori dan proses dalam penyelidikan pendidikan. Kandungan yang dibincangkan ialah jenis penyelidikan, kepentingan dan tujuan penyelidikan, etika penyelidikan, pernyataan masalah, objektif/soalan/hipotesis kajian, kerangka teori konsep, kajian literatur, reka bentuk kajian, pensampelan, instrumentasi, kaedah pengumpulan dan menganalisis data. Pelajar perlu membincangkan teori dan kaedah saintifik dalam penyelidikan pendidikan, menunjukkan peningkatan diri yang berterusan dalam penyediaan laporan literatur dan artikel, menjustifikasikan pemilihan kaedah yang sesuai untuk penghasilan data yang sah dan boleh dipercayai. Pada akhir kursus ini, pelajar berupaya menghasilkan cadangan penyelidikan pendidikan dalam bidang pendidikan dan mengamalkan etika dalam penyelidikan yang dijalankan.

SRU60104 ANALISIS DATA KUALITATIF

Kursus ini merangkumi kandungan utama analisis data kualitatif dalam Pendidikan termasuk asas metodologi, reka bentuk kajian, serta teknik pengurusan dan analisis data. Pelajar akan mempelajari pengorganisasian data, pengkodan, pengkategorian, dan pembangunan tema secara induktif dan deduktif. Kursus ini turut menekankan penggunaan perisian analisis, kesahan dan kebolehpercayaan dapatan, serta isu etika. Melalui aktiviti hands-on berasaskan data sebenar, pelajar membina kemahiran analitik dan pelaporan. Kursus ini menyokong semua CLO. Pada akhir kursus, pelajar mampu menganalisis, mentafsir, dan melaporkan data kualitatif secara sistematik dan beretika.

SRU60204 ANALISIS DATA KUANTITATIF

Kursus ini membincangkan kaedah analisis data kuantitatif secara komprehensif menggunakan perisian SPSS. Secara umumnya, tumpuan diberikan kepada pengaplikasian statistik perihalan dan statistik inferensi, yang merangkumi ujian berparameter dan tak berparameter. Kandungan kursus meliputi pelbagai topik utama penganalisan data termasuk ujian normaliti, analisis korelasi, regresi linear mudah, dan regresi pelbagai. Selain itu, pelajar akan mempelajari teknik perbandingan min antara kumpulan, merangkumi ujian-t, Analisis Varians Sehalu (ANOVA), serta Analisis Multivariat Varians (MANOVA). Kursus ini bertujuan membekalkan pelajar dengan kecekapan mengurus data penyelidikan secara praktikal. Pada akhir kursus ini, pelajar akan berupaya mengaplikasikan perisian SPSS dengan cekap untuk menjalankan pelbagai ujian statistik, serta mahir mentafsir output analisis secara tepat bagi menghasilkan kesimpulan penyelidikan yang sah.

SSP60204 MENCUNGKIL KEFAHAMAN DALAM SAINS

Kursus ini direka untuk memperkasakan pelajar peringkat sarjana dengan kepakaran teori dan praktikal dalam pendidikan sains. Pelajar dibimbing untuk mengaplikasikan pengetahuan mendalam bagi menangani isu serta cabaran kompleks dalam pembentukan dan pencungkilan kefahaman sains. Melalui pendekatan berasaskan penyelidikan, pelajar dikehendaki melaksanakan penyelidikan berasaskan bilik darjah yang bertujuan untuk meneroka serta memahami proses kognitif pelajar secara autentik. Selain itu, kursus ini menekankan pembangunan pemikiran kritis melalui aktiviti memberi maklum balas artikel penyelidikan secara analitikal, yang menuntut pelajar melakukan refleksi mendalam terhadap andaian dan perspektif sendiri. Aspek pembangunan profesionalisme turut diberi penekanan utama, di mana pelajar perlu mendemonstrasikan kemahiran etika profesional serta menginternalisasi nilai-nilai guru sains yang konstruktivis. Secara keseluruhannya, kursus ini melahirkan pendidik yang reflektif, beretika, dan berkemahiran tinggi dalam mentransformasi landskap pengajaran dan pembelajaran sains.

SSP60504 TEKNOLOGI DAN INOVASI DALAM PENDIDIKAN

Kursus ini membincangkan konsep, isu dan aplikasi teknologi serta inovasi dalam pendidikan dengan penekanan terhadap penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam pengajaran dan pembelajaran. Kandungan kursus merangkumi teori dan prinsip teknologi pendidikan, model inovasi, serta pemikiran inovatif dalam konteks semasa. Kursus ini turut meliputi integrasi elemen multimedia seperti simulasi, video, animasi, Augmented Reality (AR) dan Virtual Reality (VR), serta penggunaan Large Language Model (LLM) dan Learning Management System (LMS) dalam menyokong PdP berkesan. Penilaian dilaksanakan melalui projek inovasi, reka bentuk rancangan pengajaran, ulasan artikel, forum dan peperiksaan akhir. Kursus ini bertujuan membolehkan pelajar menilai teori dan prinsip teknologi, menghargai peranan teknologi dalam pendidikan serta mereka bentuk inovasi dan rancangan pengajaran secara strategik. Pada akhir kursus, pelajar berupaya mengintegrasikan teknologi dan inovasi secara berkesan bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

SKA60104 KIMIA ANALISIS LANJUTAN

Kursus ini membincangkan prinsip dan teori teknik pemisahan serta memperkenalkan prinsip, mod operasi dan penggunaan peralatan dalam analisis kimia. Topik merangkumi kaedah spektroskopi termasuk spektroskopi atom dan molekul, penyediaan sampel dan pengekstrakan pelarut, serta prinsip dan klasifikasi teknik kromatografi. Penekanan turut diberikan kepada aplikasi kromatografi gas dan cecair, teknik elektroforesis, dan kaedah elektrokimia dalam penentuan analit secara kualitatif dan kuantitatif. Pelajar didedahkan kepada pemilihan kaedah yang sesuai, penilaian fungsi peralatan saintifik, dan kemahiran mentafsir data analisis secara sistematik serta beretika melalui aktiviti makmal dan perbincangan berkumpulan. Di akhir kursus, pelajar berupaya memilih dan mengaplikasikan teknik analisis yang bersesuaian dengan jenis sampel dan analit, mengendalikan peralatan dengan betul, mentafsir data dengan tepat, serta bekerjasama secara efektif dalam menyelesaikan masalah kimia berkaitan teknik pemisahan dan analisis.

SKF60104 KIMIA FIZIK LANJUTAN

Kursus ini membincangkan konsep asas dan lanjutan dalam kimia fizik merangkumi termodinamik, kinetik gas, serta sifat fasa cecair dan pepejal. Perbincangan turut meliputi larutan elektrolit, elektrokimia, penjerapan dan kimia koloid. Kursus ini juga memberi pendedahan kepada isu semasa dalam pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan kimia fizik selaras dengan perkembangan ilmu. Pada akhir kursus, pelajar menilai pemahaman konsep melalui pemikiran sistematik dan kritis dalam menyelesaikan masalah kimia fizik. Pelajar juga mengamalkan tanggungjawab, kerjasama dan etika dalam menganalisis serta mentafsir data secara kualitatif dan kuantitatif. Selain itu, pelajar bekerjasama dalam kumpulan untuk melaksanakan tugas secara berkesan selaras dengan hasil pembelajaran kursus yang ditetapkan.

SKO60104 KIMIA ORGANIK LANJUTAN

Kursus ini memberikan gambaran menyeluruh tentang bidang kimia sebatian semula jadi merangkumi aspek teori dan praktikal. Kursus ini mendedahkan pelajar kepada keupayaan menganalisis kepelbagaian sebatian semula jadi serta peranannya dalam sistem biologi melalui aplikasi pemikiran sistematik. Selain itu, penekanan turut diberikan kepada kebolehan mentafsir struktur kimia sebatian semula jadi secara kritis berdasarkan kaedah spektroskopi moden. Kursus ini juga membincangkan aplikasi pelbagai teknik dalam penyelidikan kimia organik lanjutan, termasuk kaedah pengekstrakan, teknik pemisahan dan penulenan, yang diaplikasikan melalui pemikiran kritis. Di samping itu, pelajar dilatih untuk melaksanakan tugas secara kolaboratif bersama ahli kumpulan dalam membincangkan topik berkaitan sintesis kimia dan aktiviti biologi sebatian semula jadi. Setelah mengikuti kursus ini, pelajar berupaya menganalisis, mengasingkan, serta mengenal pasti struktur kimia sebatian semula jadi, di samping menjelaskan kegunaannya dalam kehidupan seharian.

SKT60104 KIMIA TAK ORGANIK LANJUTAN

Kursus ini direka untuk memperkukuh dan memperdalam pengetahuan pelajar dalam bidang kimia tak organik. Ia merangkumi asas ikatan kimia dan struktur molekul, termasuk bentuk-bentuk molekul serta teori yang menjelaskan kestabilan dan susunannya. Kursus ini juga membincangkan konsep asid, bes dan ion dalam larutan akueus serta peranannya dalam tindak balas kimia. Selain itu, pelajar akan mempelajari kimia unsur d-block, kimia koordinasi, kimia bioinorganik, serta kimia organologam. Kaedah fizikal dalam kimia tak organik turut diperkenalkan bagi menganalisis struktur dan sifat bahan. Pada akhir kursus, pelajar mampu mengaplikasikan prinsip kimia tak organik untuk menerangkan ikatan, struktur, dan kereaktifan sebatian.

SKP60104 REKA BENTUK KURIKULUM DAN PENGAJARAN DALAM KIMIA

Kursus ini membincangkan elemen penting dalam kurikulum kimia seperti perancangan dan pelaksanaan pengajaran melibatkan domain kognitif, afektif dan psikomotor. Pelajar akan didedahkan kepada pengenalan kurikulum, pelbagai model pengajaran, kaedah mengajar, Pengetahuan Kandungan Pedagogi Teknologi (TPCK), pelbagai gaya pembelajaran, serta pengintegrasian kemahiran berfikir, elemen merentas kurikulum dan kemahiran abad-21. Pelajar perlu mereka bentuk dan melaksanakan rancangan pengajaran kimia yang kreatif dan inovatif seterusnya melakukan refleksi terhadap pengajaran. Melalui kursus ini, pelajar akan dapat menilai kurikulum kimia, merancang dan mengaplikasikan pengajaran kimia serta berupaya membuat refleksi terhadap amalan pengajaran dan pembelajaran kimia yang dilakukan.

SKP60404 PENTAKSIRAN DALAM KIMIA

Kursus ini memberi tumpuan kepada konsep asas dan aplikasi praktikal pentaksiran dalam pendidikan kimia. Topik utama merangkumi tujuan dan sifat pentaksiran, domain pentaksiran, prinsip kesahan dan kebolehpercayaan dalam pembangunan instrumen, pelbagai jenis pentaksiran, reka bentuk pentaksiran, serta penggunaan data pentaksiran untuk penambahbaikan berterusan. Kursus ini juga mengetengahkan isu semasa dalam pentaksiran dan menilai secara kritis penyelesaian yang berpotensi. Pelajar dijangka dapat menjustifikasikan secara kritis kaedah dan instrumen pentaksiran yang sesuai, mereka bentuk alat pentaksiran bertulis dan digital, serta mencadangkan penyelesaian beretika terhadap isu semasa dalam pentaksiran kimia. Pada akhir kursus, pelajar akan dilengkapi dengan pengetahuan, kemahiran dan keyakinan untuk mereka bentuk, menilai dan melaksanakan pentaksiran kimia yang berkesan.

SKR59908 KERTAS PROJEK (PENDIDIKAN KIMIA)

KKursus ini direka khusus bagi membimbing pelajar melaksanakan satu projek yang memfokuskan kepada bidang pengkhususan Pendidikan Kimia. Secara umumnya, kursus ini merangkumi keseluruhan proses penyelidikan akademik secara terarah. Kandungan kursus memerlukan pelajar menelusuri fasa-fasa kritikal, bermula dengan penyediaan kertas cadangan penyelidikan bagi mengesahkan kebolehlaksanaan kajian. Seterusnya, pelajar perlu melaksanakan analisis data kajian secara menyeluruh. Akhirnya, kitaran projek ini dilengkapi dengan penulisan sebuah kertas projek yang mesti mematuhi format rasmi dan diserahkan dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh universiti. Pada akhir kursus ini, pelajar akan berupaya merancang dan melaksanakan projek Pendidikan kimia secara berdikari, menganalisis data secara sistematik, serta mempersembahkan hasil projek dan hujah mereka secara berkesan melalui penulisan ilmiah yang berkualiti tinggi pada kertas projek.

SKR59920 DISERTASI (PENDIDIKAN KIMIA)

Kursus ini direka khusus bagi membimbing pelajar melaksanakan satu penyelidikan yang memfokuskan bidang pengkhususan Pendidikan Kimia. Secara umumnya, kursus ini merangkumi keseluruhan proses penyelidikan akademik secara terarah dan mendalam. Kandungan kursus memerlukan pelajar menelusuri fasa-fasa kritikal, bermula dengan penyediaan dan pembentangan kertas cadangan penyelidikan bagi mengesahkan kebolehlaksanaan kajian. Seterusnya, pelajar perlu melaksanakan analisis data secara menyeluruh dan membentangkan dapatan kajian mereka kepada panel penilai. Akhirnya, kitaran penyelidikan ini dilengkapi dengan penulisan sebuah disertasi penuh yang mesti mematuhi format rasmi dan diserahkan dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh universiti. Pada akhir kursus ini, pelajar akan berupaya merancang dan melaksanakan penyelidikan Pendidikan Kimia secara berdikari, menghasilkan penulisan ilmiah yang berkualiti tinggi, serta mempertahankan hasil penyelidikan dan hujah mereka secara berkesan melalui peperiksaan lisan (viva voce).

JABATAN MATEMATIK



DIREKTORI KEPAKARAN:

Senarai kakitangan akademik Jabatan
Matematik

SENARAI PROGRAM:

SARJANA

- MATEMATIK (MT123)
- STATISTIK (MT126)
- PENDIDIKAN MATEMATIK (MT34)
- PENDIDIKAN SAINS DATA (MT199)

DOKTOR FALSAFAH

- MATEMATIK (PT123)
- STATISTIK (PT124)
- PENDIDIKAN MATEMATIK (PT34)

- Senarai Kursus
- Sinopsis Kursus

ALAMAT PERHUBUNGAN:

Jabatan Matematik

Aras 2, Blok 1, Fakulti Sains dan Matematik
Kampus Sultan Azlan Shah
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim
Perak

JABATAN MATEMATIK

KETUA JABATAN/
HEAD OF DEPARTMENT



Prof. Madya Dr. Phoong Seuk Yen

Ph.D (USM), B.Sc. Ed. (UPSI)



: 05-4507436



: phoong@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Applied Statistics, Mathematics Education, Time Series, Econometrics, Finite Mixture Model



Profesor Dr. Zulkifley Mohamed

Ph.D (UKM), M.Sc. (Salford, UK), Adv. Dip (UiTM), Dip. (UiTM)



: 05-4507635



: zulkifley@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Robust Statistics, Statistical Modelling



Profesor Dr. Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah

Ph.D (East Anglia), M.Ed. (UPSI), B.Ed. (Hons) (UPSI)



: 05-4507414



: faizalee@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Mathematics Education



Prof. Madya Dr. Mazlini Adnan

Ph.D (UKM), M.Ed. (UKM), B.Sc. Ed. (UM)



: 05-4507402



: mazlini@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Mathematics Education



Prof. Madya Dr. Rohaidah Masri

Ph.D (UTM), M.Sc. (UKM), B.Sc. (Hons) (UKM)



: 05-4507204



: rohaidah@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Group Theory, Algebra, Mathematics Education



Prof. Madya Dr. Nor Azah Samat

Ph.D (Salford, UK), M.Sc. (UKM), B.Sc. (Hons) (UiTM)



: 05-4507415



: norazah@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Applied Statistics: Bayesian Disease Mapping and Stochastic Model for Infectious Disease



YM Prof. Madya Dr. Raja Noor Farah Azura Raja Ma'amor Shah

Ph.D (UPM), M.Sc. (USM), B.Sc. (Hons) (UPM)



: 05-4507408



: raja_farah@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Applied Mathematics, Computational Mathematics, Applied Graph Theory and Networking, Mathematics Education, Engineering Mathematics, Mathematics Technology



Prof. Madya Dr. Annie Gorgey

Ph.D (Auckland, New Zealand), M.Sc. (UTM), B.Ed. (UTHM)



: 05-4507421



: annie_gorgey@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Numerical Methods, Numerical Ordinary Differential Equations



Prof. Madya Dr. Shazlyn Milleana Shaharudin

Ph.D (UTM), B.Sc.Ed. (Hons) (UTM)



: 05-4507120



: shazlyn@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Multivariate Analysis, Big data



Prof. Madya Dr. Nurul Akmal Mohamed

Ph.D (Brunel University), M.Sc. (UTM), B.Sc. (UTM)



: 05-4507422



: akmal.mohamed@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

PDE

JABATAN MATEMATIK



Dr. Fainida Rahmat

Ph.D (Wollongong, Australia), M.Sc. (UKM),
B.App.Sc. (Hons) (USM)

☎ : 05-4507433
✉ : fainida@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Mathematical Modelling in Nanotechnology



Dr. Norhayati Ahmat

Ph.D (Bradford, UK), M.Sc. (Brunel, UK), B.Sc. (Hons)
(UTM)

☎ : 05-4507424
✉ : norhayati.ahmat@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Geometric Modelling Techniques, Deformation Models, Design Optimisation



Dr. Nor Afzalina Azmee

Ph.D (Sheffield), M.Sc. (Warwick), B.Sc. (Hons) (UTM)

☎ : 05-4507407
✉ : afzalina@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Medical Statistics, Non-inferiority Clinical Trials, Multivariate Analysis



Dr. Nurul Huda Mohamed

Ph.D (Kent), M.Sc. (Edinburgh), B.Sc. (Hons)
(UTM)

☎ : 05-4507419
✉ : nurul.huda@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Vehicle Routing Problems and Operational Research



Dr. Zamzana Zamzamir @ Zamzamin

Ph.D (UTM), M.Sc. (UKM), B.Sc. (UKM)

☎ : 05-4507403
✉ : zamzana@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Applied and Computational Complex Analysis



Dr. Noor Wahida Md Junus

Ph.D (USM), M.Sc. (UKM), B.Sc. (Hons) (UiTM)

☎ : 05-4507432
✉ : noor_wahida@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Time Series Modeling, Inferential Statistical Analysis



Dr. Nor Azian Aini Mat

Ph.D (UPM), M.Sc. (UKM), B.Sc. (UKM)

☎ : 05-4507427
✉ : nor.azian@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Calculus



Dr. Nor Suriya Abd Karim

Ph.D (UMT), M.Sc. (UKM), B.Sc. (UiTM)

☎ : 05-4507420
✉ : suriya@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Graph Theory



Dr. Norsida Hasan

Ph.D (UPM), M.Sc. (UKM), B.App.Sc. (Hons) (USM)

☎ : 05-4507426
✉ : norsida@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Linear Programming Data Mining



Dr. Nur Hamiza Adenan

Ph.D (UKM), M.Sc. (UTM), B.Ed. (Hons) (UPSI)

☎ : 05-4507434
✉ : hamieza@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Mathematical Modelling, Dynamical System, Chaos Theory

JABATAN MATEMATIK



Dr. Norazman Arbin

Ph.D (UPSI), M.Sc. (UKM), B.Sc. (UKM)

☎ : 05-4507429/7413

✉ : norazman@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Geometric Modeling, Mathematics Education



Dr. Nurul Hila Zainudin

Ph.D (UMT), M.Sc. (UMT), B.Sc.Ed. (Hons) (UMT)

☎ : 05-4507435

✉ : nurulhila@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Statistical Modelling, Bootstrap, Artificial Neural Network, Monte Carlo Simulation, Time Series



Dr. Foo Chuan Hui

Ph.D (UQ, Aus), M.Sc. (USM), B.Sc.Ed. (Hons) (UPM)

☎ : 05-4507439

✉ : foo.ch@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Applied Statistics, Statistical Theory and Modeling, Data Analysis



Dr. Sabarina Shafie

Ph.D (New South Wales), M.Sc. (USM), B.Sc. (UIA)

☎ : 05-4507368

✉ : sabarina@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Mathematical Computation, PDE Numerical



Dr. Rawdah Adawiyah Tarmizi

Ph.D (USM), M.Sc. (UKM), B.Sc. (Hons) (UiTM)

☎ : 05-4507428

✉ : rawdah@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Algebra, Group theory



Dr. Murugan Rajoo

Ph.D (UUM), M.Ed. (UMS), B.Ed. (Hons) UPSI

☎ : 05-4507412

✉ : murugan@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Mathematics Education



Dr. Fauzi Mohamed Yusof

Ph.D (USM), M.Sc. (USM), B. Sc. (Hons) UPM, Dip. Edu. (KOPEDA)

☎ : 05-4507118

✉ : fauzi.my@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Biomathematics and Mathematical Modelling (Numerical Method, Numerical Analysis, Modeling and Simulation – ODE and PDE)



Dr. Nor Hafizah Md Husin

Ph.D (UMT), M. Sc. (UMT), B. Sc. (UMT)

☎ : 05-4507316

✉ : hafizah.husin@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Graph Theory



Dr. Riswan Effendi

Ph.D (UTM), M.Sc. (UTM), B.Sc. UNAND)

☎ : 05-4507417

✉ : riswanefendi@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Fuzzy Time Series, Rough-Regression, Quantitative Data Analysis, Time Series



Dr. Nurihan Nasir

P.hd (USM), M.Ed. (UPSI), B.Ed. (UPSI), Sijil Asas Perguruan (MPPP)

☎ : 05-4507418

✉ : nurihan@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Mathematics Education

JABATAN MATEMATIK



Dr. Muhammad Solleh Asmadi

Ph.D (UM), M.Sc. (UM), B.Sc (H) (UM)

☎ : 05-4507914
✉ : muhammadsolleh@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Computational Fluid Dynamics, Numerical Analysis, Ordinary and Partial Differential Equations



Dr. Noor Alhuda Madzlan

Ph.D (UKM), M.Sc. (University of London, UK),

☎ : 05-450600
✉ : -

Kepakaran/Expertise:
Statistik



Dr. Ijlal binti Md Diah

Ph.D, M.Sc (UUM), B. Sc (UPSI)

☎ : 05-4507416
✉ : ijlal.md@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Statistik Gunaan (Pemetaan Penyakit, Anggaran Risiko Relatif, Pemodelan Stokastik)



Dr. Adib bin Mashuri

Ph.D (UPSI, M.Sc. (UPSI), B.Ed (UPSI)

☎ : 05-450600
✉ : adib.mashuri@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

CMatematik Gunaan, Pemodelan Matematik, Pendekatan Kekacauan, Algoritma Genetik



Dr. Noor Farizza Haniem binti Mohd Sohut

PhD (UKM), M.Sc, B.Sc (UiTM)

☎ : 05-4506000
✉ : farizzahaniem@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Matematik Gunaan, Pemindahan Haba, Lapisan Sempadan, Dinamik Bendalir



Dr. Mohd Shahridwan bin Ramli

Ph.D (UPM), M.Sc (UMP), B.Sc (Uni of Manchester), Dip.Ed (IPGM)

☎ : 05-4506000
✉ : shahridwan@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Matematik Gunaan, Pemindahan Haba, Lapisan Sempadan, Dinamik Bendalir



Pn. Noorazrin Abdul Rajak

M.Sc. (UKM), B.Sc. (Hons) (UiTM), Dip.Stat (UiTM)

☎ : 05-4507425
✉ : noorazrin@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Bayesian Analysis, Applied Statistics



En. Abdul Halim Amat @ Kamaruddin

M.Sc. (Jackson State), B.Sc. (Louisiana State), Dip. Ed. (MPTI)

☎ : 05-4507417
✉ : halim@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Operations Research Mathematics Education



En. Mohamad Faiz Farhan bin Abdul Rahman

MM.Ed., B.Ed. (Hons), Dip. Sc (UPSI)

☎ : 05-4506000
✉ : halim@fsmt.upsi.edu.my

Kepakaran/Expertise:

Operations Research Mathematics Education



Pn. Siti Khairatul Azwa Mohd Farok

Pembantu Tadbir (P/O) N2

☎ : 015-48797400
✉ : azwa83@upsi.edu.my

Kakitangan Sokongan

Kursus	Kod dan Nama Kursus	Kredit	Catatan
KAEDAH PENYELIDIKAN	SRU50104 Metodologi Penyelidikan Pendidikan	4 jam kredit	Tiada
	SRU60104 Analisis Data Kualitatif	4 jam kredit	Mod B: Ambil KEDUA-DUA (2) kursus
	SRU60204 Analisis Data Kuantitatif	4 jam kredit	Mod C: Pilih SATU (1) kursus sahaja
KURSUS PENDIDIKAN	SSP60504 Teknologi dan Inovasi dalam Pendidikan	4 jam kredit	Tiada
KURSUS ELEKTIF	SSP60204 Mencungkil Kefahaman dalam Sains ATAU mana-mana SATU (1) kursus berjumlah empat (4) jam kredit dari mana-mana Fakulti	4 jam kredit	Mod C: Pilih SATU (1) kursus sahaja

Kursus	Kod Kursus dan Kursus	Kredit	Catatan
KURSUS PENGKHUSUSAN	SME60104 Pengajaran Matematik	4 jam kredit	Mod B: Pilih SATU (1) kursus sahaja Mod C: Pilih EMPAT (4) kursus sahaja.
	SME60304 Pentaksiran dalam Pembelajaran Matematik		
	SME60504 Pengajaran untuk Kreativiti dan Penyelesaian masalah		
	SMA60104 Algebra Moden dan Geometri		
	SMF60204 Aplikasi Matematik Kewangan		
PROJEK	SMR59920 Disertasi Pendidikan Matematik	20 jam kredit	Mod B
	SMR59908 Kertas Projek Pendidikan Matematik	8 jam kredit	Mod C

*JUMLAH KREDIT MOD B & MOD C : 40 JAM

SME60104 PENGAJARAN MATEMATIK

Kursus ini memberi tumpuan kepada pelbagai aspek yang berkait dengan pengajaran matematik sekolah menengah termasuklah sejarah dan falsafah nombor dan operasi, perkaitan dan algebra, sukatan dan geometri, matematik diskret dan kalkulus. Kursus ini juga membincangkan standard kurikulum dan pentaksiran bagi pengajaran matematik; isu-isu kontemporari dan dapatan kajian berkaitan pendekatan pengajaran matematik; miskonsepsi pelajar dan pelbagai cara menanganinya. Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat menguasai integrasi kandungan matematik yang komprehensif dan menyeluruh, pedagogi yang sesuai, pengajaran berasaskan teknologi dan menganalisis salah konsep matematik pelajar untuk mereka bentuk pengajaran matematik serta melaksanakan pengajaran dengan berkesan, beretika dan responsif terhadap keperluan kurikulum matematik.

SME60304 PENTAKSIRAN DALAM PEMBELAJARAN MATEMATIK

Kursus ini memberi tumpuan kepada pentaksiran dalam pembelajaran matematik dengan menekankan kefahaman terhadap konsep, prinsip dan amalan terbaik dalam menilai pencapaian pelajar. Pelajar akan menganalisis pelbagai isu berkaitan pentaksiran, termasuk kesahan, kebolehpercayaan, keadilan serta cabaran semasa dalam pendidikan matematik. Selain itu, kursus ini memperkenalkan dan mempraktikkan kedua-dua strategi pentaksiran tradisional dan alternatif yang sesuai digunakan dalam bilik darjah bagi menyokong pembelajaran bermakna. Pelajar juga akan didedahkan kepada proses membina instrumen pentaksiran matematik yang berkualiti, diikuti dengan pelaksanaan analisis item untuk menilai keberkesanan instrumen tersebut. Aktiviti kolaboratif turut ditekankan bagi membentuk kemahiran kepimpinan dan interpersonal dalam menyelesaikan tugas secara berkumpulan. Di akhir kursus, pelajar dijangka berupaya mereka bentuk, melaksanakan dan menilai instrumen pentaksiran matematik secara kritis serta membuat keputusan yang berasaskan data bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran matematik

SME60604 PENGAJARAN UNTUK KREATIVITI DAN PENYELESAIAN MASALAH

Kursus ini memberikan pemahaman tentang konsep pengajaran dan pembangunan kemahiran kreativiti serta penyelesaian masalah dalam kalangan pelajar di dalam bilik darjah. Ia merangkumi topik-topik berikut: definisi pemikiran kreatif, rasional pemikiran kreatif dalam bilik darjah, perkembangan individu dalam kreativiti, tanggungjawab guru dan pelajar dalam pemikiran kreatif, serta penyelesaian masalah secara kreatif. Pelajar akan didedahkan kepada strategi pengajaran yang berkaitan dengan peningkatan kreativiti dan pembangunan kemahiran penyelesaian masalah. Di akhir kursus ini pelajar dapat membangunkan kurikulum yang inovatif dan berkesan.

SMA60104 ALGEBRA MODEN DAN GEOMETRI

Kursus ini memperkenalkan konsep kekongruenan integer dan aritmetik modular sebagai asas kepada pemahaman algebra moden dan geometri. Perbincangan seterusnya merangkumi struktur algebra seperti kumpulan, gelanggang, domain kamiran, ideal, gelanggang hasil bahagi, medan serta gelanggang polinomial. Penekanan diberikan kepada definisi formal, sifat-sifat penting dan hubungan antara struktur-struktur tersebut dalam membentuk asas teori algebra. Kursus ini turut meneliti hubungkait asas antara algebra dan geometri, termasuk bagaimana konsep algebra digunakan untuk menerangkan struktur dan sifat objek geometri. Selain itu, pelajar didedahkan kepada aplikasi konsep algebra dalam pelbagai konteks matematik. Pada akhir kursus, pelajar berupaya menyelesaikan masalah algebra moden secara sistematik, menganalisis hubungan antara algebra dan geometri secara kritis, serta mempamerkan kemahiran penaakulan matematik berasaskan definisi dan teorem yang relevan.

SMF60204 APLIKASI MATEMATIK KEWANGAN

Kursus ini menyediakan latihan komprehensif dalam matematik kewangan, bermula dengan pengukuhan asas matematik melalui janjang aritmetik dan geometri sebagai tunjang pengiraan kewangan. Pelajar akan mempelajari teori nilai masa wang yang merangkumi konsep nilai masa depan, nilai semasa, serta impak pengkompaunan terhadap pertumbuhan modal. Silibus ini juga memberi tumpuan mendalam kepada struktur anuiti, termasuk anuiti biasa dan anuiti tertunda, bagi membolehkan pelajar menguruskan instrumen kewangan secara sistematik.

Seterusnya, kursus ini mendedahkan pelajar kepada pengurusan hutang dan aset melalui penyediaan jadual pelunasan pinjaman, pengiraan baki tertunggak, serta penilaian strategi pelaburan modal. Pada bahagian akhir, pelajar akan dilatih untuk menganalisis aliran tunai yang dipecahkan kepada aktiviti operasi, pelaburan, dan kewangan bagi mendapatkan gambaran holistik tentang kedudukan ekonomi sesebuah entiti. Penggunaan teknologi hampan (Microsoft Excel) disepadukan sepanjang kursus untuk simulasi dunia sebenar. Pada akhir kursus ini, pelajar akan berupaya menguasai kemahiran analisis kuantitatif dan membina model matematik yang tepat untuk membuat keputusan kewangan dan pelaburan yang bijak dalam persekitaran pasaran yang dinamik

SMR59920 DISERTASI (PENDIDIKAN MATEMATIK)

Kursus ini direka khusus bagi membimbing pelajar melaksanakan satu penyelidikan yang memfokuskan kepada bidang pengkhususan Pendidikan Matematik. Secara umumnya, kursus ini merangkumi keseluruhan proses penyelidikan akademik secara terarah dan mendalam. Kandungan kursus memerlukan pelajar menelusuri fasa-fasa kritikal, bermula dengan penyediaan dan pembentangan kertas cadangan penyelidikan bagi mengesahkan kebolehlaksanaan kajian. Seterusnya, pelajar perlu melaksanakan analisis data secara menyeluruh dan membentangkan dapatan kajian mereka kepada panel penilai. Akhirnya, kitaran penyelidikan ini dilengkapi dengan penulisan sebuah disertasi penuh yang mesti mematuhi format rasmi dan diserahkan dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh universiti. Pada akhir kursus ini, pelajar akan berupaya merancang dan melaksanakan penyelidikan Pendidikan Matematik secara berdikari, menghasilkan penulisan ilmiah yang berkualiti tinggi, serta mempertahankan hasil penyelidikan dan hujah mereka secara berkesan melalui peperiksaan lisan (viva voce)

SMR59908 PROJEK PROJEK (PENDIDIKAN MATEMATIK)

Kursus ini direka khusus bagi membimbing pelajar melaksanakan satu projek yang memfokuskan kepada bidang pengkhususan Pendidikan Matematik. Secara umumnya, kursus ini merangkumi keseluruhan proses penyelidikan akademik secara terarah. Kandungan kursus memerlukan pelajar menelusuri fasa-fasa kritikal, bermula dengan penyediaan kertas cadangan penyelidikan bagi mengesahkan kebolehlaksanaan kajian. Seterusnya, pelajar perlu melaksanakan analisis data kajian secara menyeluruh. Akhirnya, kitaran projek ini dilengkapi dengan penulisan sebuah kertas projek yang mesti mematuhi format rasmi dan diserahkan dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh universiti. Pada akhir kursus ini, pelajar akan berupaya merancang dan melaksanakan projek Pendidikan Matematik secara berdikari, menganalisis data secara sistematik, serta mempersembahkan hasil projek dan hujah mereka secara berkesan melalui penulisan ilmiah yang berkualiti tinggi pada kertas projek.

SRU60104 ANALISIS DATA KUALITATIF

Kursus ini merangkumi kandungan utama analisis data kualitatif dalam Pendidikan termasuk asas metodologi, reka bentuk kajian, serta teknik pengurusan dan analisis data. Pelajar akan mempelajari pengorganisasian data, pengkodan, pengkategorian, dan pembangunan tema secara induktif dan deduktif. Kursus ini turut menekankan penggunaan perisian analisis, kesahan dan kebolehpercayaan dapatan, serta isu etika. Melalui aktiviti hands-on berasaskan data sebenar, pelajar membina kemahiran analitik dan pelaporan. Kursus ini menyokong semua CLO. Pada akhir kursus, pelajar mampu menganalisis, mentafsir, dan melaporkan data kualitatif secara sistematik dan beretika.

SRU60204 ANALISIS DATA KUANTITATIF

Kursus ini membincangkan kaedah analisis data kuantitatif secara komprehensif menggunakan perisian SPSS. Secara umumnya, tumpuan diberikan kepada pengaplikasian statistik perihalan dan statistik inferensi, yang merangkumi ujian berparameter dan tak berparameter. Kandungan kursus meliputi pelbagai topik utama penganalisan data termasuk ujian normaliti, analisis korelasi, regresi linear mudah, dan regresi pelbagai. Selain itu, pelajar akan mempelajari teknik perbandingan min antara kumpulan, merangkumi ujian-t, Analisis Varians Sehala (ANOVA), serta Analisis Multivariat Varians (MANOVA). Kursus ini bertujuan membekalkan pelajar dengan kecekapan mengurus data penyelidikan secara praktikal. Pada akhir kursus ini, pelajar akan berupaya mengaplikasikan perisian SPSS dengan cekap untuk menjalankan pelbagai ujian statistik, serta mahir mentafsir output analisis secara tepat bagi menghasilkan kesimpulan penyelidikan yang sah.

SRU50104 METODOLOGI PENYELIDIKAN PENDIDIKAN

Kursus ini memperkenalkan konsep, teori dan proses dalam penyelidikan pendidikan. Kandungan yang dibincangkan ialah jenis penyelidikan, kepentingan dan tujuan penyelidikan, etika penyelidikan, pernyataan masalah, objektif/soalan/hipotesis kajian, kerangka teori konsep, kajian literatur, reka bentuk kajian, pensampelan, instrumentasi, kaedah pengumpulan dan menganalisis data. Pelajar perlu membincangkan teori dan kaedah saintifik dalam penyelidikan pendidikan, menunjukkan peningkatan diri yang berterusan dalam penyediaan laporan literatur dan artikel, menjustifikasikan pemilihan kaedah yang sesuai untuk penghasilan data yang sah dan boleh dipercayai. Pada akhir kursus ini, pelajar berupaya menghasilkan cadangan penyelidikan pendidikan dalam bidang pendidikan dan mengamalkan etika dalam penyelidikan yang dijalankan.



ETIKA PAKAIAN PELAJAR

STUDENT DRESS CODE



MENGHADIRI KULIAH / TUTORIAL & MENDUDUKI PEPERIKSAAN, UJIAN/ BERURUSAN DI PEJABAT /
PERPUSTAKAAN / PUSAT PENGAJIAN / INSTITUT/ PUSAT, BAHAGIAN & PEJABAT KOLEJ
*Attending lectures / tutorials / examinations & tests, official functions/ Library /
faculties / Institutes / centres / residential offices*

WAKTU PEJABAT/RASMI CONTOH PAKAIAN YANG DIBENARKAN

EXAMPLE OF CLOTHES THAT ARE ALLOWED DURING OFFICE HOURS/ OFFICIAL



BAJU KORPORAT/ RABU
Corporate Attire / Wednesday

BAJU BATIK/ KHAMIS
Batik / Wednesday

BAJU KURUNG/ MELAYU/ JUMAAT

BAJU FAKULTI / FSBKJ
Faculty Attire / FSBKJ

PERINGATAN REMINDER

Semua pelajar dikehendaki mematuhi Etika Pakaian Rasmi Pelajar semasa berurusan dengan pihak Universiti. Tindakan tatatertib akan dikenakan kepada pelajar yang tidak mematuhi peraturan ini mengikut Kaedah-kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999, AUKU

All students are to adhere to the Student Dress Code when dealing with University matters. Disciplinary action will be taken against students who do not comply these guidelines in accordance with the rules and regulations of Universiti Pendidikan Sultan Idris (Student Code of Conduct), 1999, AUKU 1971

PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (ETIKA BERPAKAIAN DAN SAHSIAH RUPADIRI PELAJAR) 2014

PERATURAN AWAM

- Semua pelajar hendaklah pada setiap masa dan ketika, mematuhi peraturan-peraturan dan arahan-arahan Universiti dan tidak bertindak melakukan sesuatu yang bertentangan dengan peraturan-peraturan dan arahan-arahan tersebut.
- Semua pelajar Muslim tidak boleh bertindak atau melakukan sesuatu yang bertentangan dengan peraturan dan hukum Islam, atau mengabaikan tanggungjawab Islam yang diwajibkan ke atas mereka sama ada ketika bersendirian atau di tempat awam, di dalam atau di luar kampus.
- Semua pelajar termasuk pelajar bukan Islam dan pelajar antarabangsa hendaklah sentiasa mematuhi peraturan Universiti yang dibuat dari semasa ke semasa dan bertindak sesuai dengan sahsiah diri sebagai pelajar Universiti, sama ada ketika bersendirian atau di tempat awam, di dalam atau di luar kampus.

PERATURAN BERPAKAIAN DI DALAM KAMPUS, SEMASA MENJALANI LATIHAN MENGAJAR ATAU INDUSTRI DAN MENGHADIRI MAJLIS ATAU URUSAN RASMI UNIVERSITI

- Semasa berada di dalam kampus, semua pelajar hendaklah sentiasa:
 - berpakaian kemas, sopan dan tidak melanggar peraturan Universiti; dan
 - mempamerkan kad pelajar, kecuali ketika menjalankan kegiatan sukan dan kokurikulum.
- Pelajar lelaki adalah dibenarkan tidak memakai tali leher ketika berada dalam kawasan kampus, kecuali diwajibkan oleh pensyarah masing-masing bagi sebarang tujuan pengajaran dan pembelajaran.
- Semua pelajar dilarang memakai pakaian atau aksesori yang melambangkan sebarang pertubuhan atau kumpulan tertentu yang boleh mengakibatkan ketidakharmonian atau ketenteraman Universiti terganggu.
- Semua pelajar dilarang mempamerkan sebarang unsur yang pada pandangan Naib Canselor atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Naib Canselor adalah bertentangan dengan moral yang baik atau mengandungi reka bentuk, perkataan atau frasa yang tidak diingini dari segi nilai atau norma.

PERATURAN BERPAKAIAN DI DALAM KAMPUS, SEMASA MENJALANI LATIHAN MENGAJAR ATAU INDUSTRI DAN MENGHADIRI MAJLIS ATAU URUSAN RASMI UNIVERSITI

(sambungan)

5. Semasa menjalani latihan mengajar atau industri dan menghadiri majlis rasmi atau urusan rasmi Universiti:
 - pelajar dikehendaki berpakaian kemas dan sopan mengikut etika pakaian yang ditetapkan oleh pihak sekolah, industri atau penganjur dan tidak melanggar peraturan Universiti; dan
 - pemakaian jeans adalah tidak dibenarkan.
6. Semasa menghadiri makmal, aktiviti sukan, aktiviti kebudayaan, aktiviti beruniform atau aktiviti pelajar:
 - pelajar hendaklah mematuhi etika pakaian dan peraturan yang ditetapkan dalam aktiviti tersebut;
 - seluar pendek dan baju tanpa lengan hanya dibenarkan dipakai semasa melakukan aktiviti sukan dan sekitar gelanggang sukan sahaja; dan
 - pakaian renang hanya dibenarkan dipakai semasa melakukan aktiviti renang dan ketika berada di dalam kawasan kolam renang sahaja.
7. Fakulti boleh memberi kelonggaran kepada pelajar-pelajar daripada Fakulti berkenaan sahaja untuk berpakaian seperti berikut bagi hari-hari tertentu"
 - T-Shirt berkolar semasa kuliah seni dan muzik, aktiviti amali, studio, bengkel dan persembahan; dan
 - T-shirt berkolar dan track bottom untuk aktiviti fizikal, dan termasuk aktiviti bukan fizikal khusus bagi Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan.



KEMPEN PEMATUHAN PEMAKAIAN KAD PELAJAR DI KAMPUS

"Kami tahu, kami patuh"

PAKAIAN KHUSUS UNTUK PELAJAR LELAKI DAN PEREMPUAN

Semua Pelajar Lelaki:

1. Hendaklah berpakaian yang sesuai dan sopan sebagai mahasiswa Universiti; dan
2. Dilarang mengenakan pakaian dan berpenampilan seperti berikut:
 - memakai pakaian atau aksesori yang melambangkan sebarang pertubuhan atau kumpulan tertentu;
 - memakai pakaian atau perhiasan diri yang menampakkan kekeliruan jantina;
 - berseluar ketat;
 - memakai seluar jeans, seluar pendek atau T-shirt ketika berurusan di pejabat dan menghadiri kuliah;
 - berambut panjang (sehingga mencecah kolar baju, menutup telinga dan mencecah kening), berekor, berwarna dan berfesyen rambut yang tidak kemas;
 - berseluar pendek; dan
 - memakai selipar ketika berurusan di pejabat dan menghadiri kuliah.



Semua Pelajar Perempuan:

1. Hendaklah berpakaian yang sesuai dan sopan sebagai mahasiswa Universiti; dan
2. Dilarang mengenakan pakaian dan berpenampilan seperti berikut:
 - memakai pakaian atau aksesori yang melambangkan sebarang pertubuhan atau kumpulan tertentu;
 - memakai pakaian atau perhiasan diri yang menampakkan kekeliruan jantina;
 - memakai pakaian tanpa lengan, sendat dan menjolok mata;
 - memakai kain atau skirt di atas paras lutut;
 - memakai seluar ketat dan jeans;
 - memakai seluar pendek ketika berurusan di pejabat dan menghadiri kuliah; dan
 - memakai selipar ketika berurusan di pejabat dan menghadiri kuliah.
3. Seseorang pelajar adalah dilarang memakai purdah di dalam kampus, termasuklah ketika menghadiri majlis rasmi anjuran Universiti atau mana-mana pihak yang diluluskan oleh Universiti di dalam atau di luar kampus kecuali sebagaimana yang diluluskan secara bertulis oleh Naib Canselor.



ALAMAT PERHUBUNGAN

Fakulti Sains dan Matematik (FSM)



ALAMAT:

Fakulti Sains dan Matematik
Aras 1, Blok 1
Kampus Sultan Azlan Shah,
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim
Perak Darul Ridzuan



Tel : 05-450 7205/7519/
7673 / 7526



Emel : info@fsmt.upsi.edu.my



Laman : <http://fsmt.upsi.edu.my>
Web

WAKTU BERURUSAN FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK

ISNIN HINGGA KHAMIS

Waktu Operasi : 8:30 pagi hingga 4.30 petang
Waktu Rehat : 1.00 petang hingga 2.00 petang

JUMAAT

Waktu Operasi : 8:30 pagi hingga 4.30 petang
Waktu Rehat : 12.15 petang hingga 2.45 petang

SABTU, AHAD DAN CUTI UMUM

Tutup